

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari  
[Setiawangsa]

**TARIKH** : 19 Oktober 2016 (Rabu)

**SOALAN** : Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari  
[Setiawangsa] minta **MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan apakah langkah yang  
dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi  
menggalakkan penggunaan bahan-bahan  
organik menggantikan bahan kimia bagi  
memastikan sumber makanan seperti sayur  
dan buah-buahan yang dihasilkan lebih  
berkualiti dan sihat.

**JAWAPAN.**

**Tuan Yang Dipertua,**

Antara usaha Kementerian bagi menggalakkan penggunaan bahan-bahan organik menggantikan bahan kimia bagi memastikan sumber makanan seperti sayur dan buah-buahan yang dihasilkan lebih berkualiti dan sihat adalah melalui pelaksanaan Projek Pembangunan Ladang Organik. Projek ini dilaksanakan pada tahun 2016 bagi tanaman buah-

buahan dan sayur-sayuran yang melibatkan keluasan 118.9 hektar dengan 42 orang petani.

Di samping itu, terdapat usaha-usaha lain yang turut dilaksanakan oleh Kementerian melalui Jabatan Pertanian (DOA) seperti menggalakkan petani atau pengusaha mengaplikasikan Teknologi *Effective Microorganism* (TEM) dalam pengurusan sisa buangan. Salah satu teknologi TEM yang giat dijalankan adalah seperti penggunaan *Indigenous Microorganisms* (IMO) dan *Plant Booster* bagi mengurangkan penggunaan baja atau bahan kimia.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga telah mewujudkan dua skim akreditasi ladang iaitu Skim Persijilan Amalan Baik Malaysia (myGAP) dan Skim Organik Malaysia (myOrganic) bagi memastikan pengurusan ladang mengikut amalan pertanian baik demi menjamin sumber makanan yang dihasilkan lebih berkualiti dan sihat. Bantuan yang diberikan kepada pengusaha MyGAP adalah dalam bentuk insentif bagi peningkatan kemudahan dan infrastruktur ladang myGAP seperti stor, tempat pengumpulan, tandas dan lain-lain.

Sehingga Oktober 2016, sebanyak 2,558 ladang dengan keluasan seluas 21,527 hektar telah dipersijilkan dengan myGAP dan sebanyak 179 ladang dengan keluasan seluas 1,923 hektar telah dipersijilkan dengan myOrganic.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH**  
**[KUANTAN]**  
**TARIKH** : **19 OKTOBER 2016 [RABU]**  
**SOALAN** : **29**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan dengan terperinci diatas alasan apakah Lesen Pengoperasian Lynas di sambung lagi selama 3 tahun sedangkan Lynas tidak menepati syarat IAEA untuk menyediakan tapak pelupusan kekal sisa radioaktif dan juga tidak menepati syarat Akta Kualiti Alam Sekitar untuk DEIA.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan telah meluluskan pembaharuan Lesen Pengoperasian Lynas untuk tempoh selama tiga (3) tahun iaitu daripada 3 September 2016 hingga 2 September 2019, mengikut Seksyen 15 (6), Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), setelah Lynas mematuhi kesemua aspek keselamatan dan perlindungan sinaran yang ditetapkan di bawah Akta 304 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

Kelulusan ini diberi setelah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom berpuashati bahawa Lynas telah mematuhi kesemua 46 syarat lesen

yang ditetapkan, antaranya termasuklah syarat berkaitan pemantauan alam sekitar, pengurusan residu *Water Leached Purification* (WLP), Kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi residu WLP, kemudahan penstoran dan lain-lain.

Lembaga Pelesenan Tenaga Atom juga telah mengambilkira aspek keselamatan dan perlindungan sinaran persekitaran dimana didapati operasi Lynas tidak mendatangkan bahaya radiologi ke atas orang awam dan alam sekitar.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Had Dos Tahunan yang dibenarkan untuk pekerja berdasarkan Peraturan Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas, Akta 304, adalah 20 miliSievert/setahun manakala untuk orang awam adalah 1 miliSievert/setahun.

Jika dibandingkan dengan Radiological Impact Assessment (RIA) yang dijalankan oleh juruperunding yang diiktiraf, (yang dilantik oleh Lynas untuk tujuan pembaharuan lesen tahun 2016), didapati dos tertinggi yang diterima oleh pekerja Lynas hanya 1.034 miliSievert setahun dan dos tertinggi yang diterima oleh orang awam adalah sebanyak 0.006 miliSievert setahun. Ia menunjukkan bahawa tahap dedahan radiologi kepada pekerja dan orang awam adalah jauh di bawah had yang dibenarkan berdasarkan Peraturan sedia ada.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya juga ingin menyentuh kenyataan bahawa pembaharuan lesen Lynas tidak menepati syarat Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (*International Atomic Energy Agency, IAEA*). Sebenarnya IAEA tidak mengenakan sebarang syarat kepada Lynas untuk menyediakan tapak pelupusan kekal sisa radioaktif.

Begitu juga, penyediaan tapak pelupusan kekal sisa radioaktif bukanlah syarat untuk pembaharuan lesen Lynas. Syarat yang dikenakan adalah Lynas perlu mengemukakan dokumen perancangan dan lokasi petunjuk (*indicative site*) untuk menentukan kemudahan pelupusan tetap (*Permanent Disposal Facility, PDF*) bagi tujuan pelupusan sisa jika diperlukan nanti.

Pada masa kini, residu yang dihasilkan dari operasi Lynas disimpan sementara di kemudahan penstoran atau *Residue Storage Facility* di dalam premis Lynas. *Residue Storage Facility* sedia ada ini mampu menampung jumlah residu yang dihasilkan selama tempoh 5 tahun operasinya. Keluasan kawasan dalam premis Lynas dianggarkan mampu menampung jumlah residu yang dihasilkan untuk tempoh 20 tahun operasinya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Jabatan Alam Sekitar Pahang juga telah meluluskan laporan *Environmental Impact Assessment (EIA)* bagi cadangan Projek Lynas Advanced Material Plant pada 15 Feb 2008. Namun, pada masa itu, tiada keperluan di bawah Akta Kualiti

Alam Sekeliling untuk *Detailed Environmental Impact Assessment* (DEIA) dilaksanakan bagi projek Projek Lynas Advanced Material Plant. Sehubungan itu, Lynas tidak melanggar syarat Akta Kualiti Alam Sekeliling untuk DEIA.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Secara kesimpulannya, pihak Kerajaan telah mengambilkira semua aspek termasuk perkara-perkara berkaitan keselamatan dan alam sekitar semasa sebelum memperbaharui lesen Lynas.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia, bahawa operasi Lynas turut memberikan faedah kepada ekonomi negara antaranya dari segi peluang pekerjaan kepada lebih 500 orang tempatan dan juga membantu meningkatkan industri hiliran lain seperti perkembangan kilang asid, kimia dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.